

Headline	Penyata jelas dan mudah difahami		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	22 Jul 2020	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	5	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	551 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,681
Frequency	Daily	PR Value	RM 35,043




Penyata jelas dan mudah difahami

Pengguna berpuas hati perincian kadar caj elektrik dalam bil

KUALA LUMPUR

Penyata terperinci caj bil elektrik sejak April yang dikeluarkan bulan ini memberi kefahaman lebih jelas buat pengguna yang sebelum ini berdepan 'kejutan' melihat kadar terkumpul yang perlu dibayar.



Saraswathy gembira contoh penyata dilihatnya mampu memberi penjelasan mengenai caj elektrik yang mudah difahami.

Rata-rata mereka berpuas hati dengan pendekatan yang dilakukan oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang turut memperincikan manfaat Bantuan Prihatin Elektrik (BPE) diterima bagi bulan April, Mei dan Jun dalam bil tersebut.

Seorang pemilik kedai dobi, Datin Saraswathy @ Priangaa, 45 berkata, dia belum menerima penyata namun telah melihat contoh penyata tersebut yang disifatkan mampu memberi penjelasan yang mudah difahami.

"Penyata terperinci ini sangat bagus kerana daripada penyata ini kita dapat lihat jumlah penggunaan elektrik yang sebenar sejak April.

"Contohnya seperti saya sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) semua anak ada di rumah tiga pendingin hawa digunakan. Jadi jumlah caj tinggi sedikit agak munasabah.

"Dalam masa sama, kita juga dapat diskaun melalui BPE. Setiap orang boleh lihat berapa manfaat yang diperoleh," katanya ditemui di Kedai Tenaga Kepong di sini baru-baru ini.

Tambah beliau, meskipun tidak menerima BPE dalam jumlah yang besar namun

Mungkin ramai yang bayar secara online tapi tak faham apa yang dibayar. Jadi apabila datang sini dapatkan penjelasan, baru mereka faham.

beliau percaya ramai pengguna yang mendapat manfaat daripada insentif itu.

Sementara itu, bagi ahli perniagaan, Lim Ching Hock, 45, inisiatif TNB menyediakan penyata terperinci wajar dipuji.

Katanya, pengguna yang tidak faham tentang caj yang dikenakan perlu mengambil tindakan untuk tampil mendapatkan penjelasan sebenar agar dapat memahami kaedah yang dikenakan.

"Saya datang untuk semak penyata sepanjang 2019. Untuk caj elektrik, saya memang bayar secara dalam talian setiap bulan kira-kira RM500 jadi tiada tunggakan.

"Mungkin ramai yang ba-



Ching Hock menggunakan aplikasi untuk pembayaran bil elektrik setiap bulan.

yar secara online tapi tak faham apa yang dibayar. Jadi apabila datang sini dapatkan penjelasan, baru mereka faham.

"Jadi lebih baik bawa bil dan fahamkan bukannya hanya bising di media sosial. Dalam masa sama, kita juga tahu apa yang kita bayar," katanya.

Pada 20 Jun 2020, kerajaan bersama TNB mengumumkan pemberian BPE

sebagai pakej bantuan tambahan kepada semua 7.66 juta pelanggan domestik melalui pembiayaan penggunaan elektrik percuma sehingga RM231 untuk tempoh tiga bulan pelaksanaan PKP iaitu April, Mei dan Jun 2020 dan bantuan itu akan dinyatakan dalam bil bacaan sebenar.

Di samping itu, pengguna domestik yang menggunakan elektrik antara 601 - 900 kWj sebulan akan menikmati diskaun sebanyak 10 peratus iaitu tambahan 8 peratus daripada kadar diskaun sedia ada sebanyak 2 peratus bermula bulan April 2020 hingga Disember 2020.

Untuk pertanyaan lanjut mengenai bil, hubungi talian TNB CareLine 1-300-88-5454 atau e-mel tnbcareline@tnb.com.my atau kunjungi Kedai Tenaga berhampiran.

REAKSI



"Bila datang dan dapatkan penjelasan baru saya faham tentang caj elektrik yang dikenakan kerana selama 17 tahun saya tinggal di rumah sekarang tidak pernah ada tunggakan bil elektrik. Jadi bil PKP ini saya akan bayar untuk selesaikan walaupun ada insentif ansuran."
- Pesara, Periasamy Yellomalay, 60

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Tenaga Nasional Berhad (TNB) (Tenaga Nasional)	6	0	RM 0

GIST(ENGLISH)

N/A